

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 8, Bil 1, Halaman 19-29

Tahap Kefahaman Pelajar Diploma Tahfiz al-Quran al-Qiraat ITQAS Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Berinteraksi Dengan *Matan Hirz al-Amani*

Understanding the Teaching and Learning Methods Among ITQAS Diploma Tahfiz al-Quran al-Qiraat Students in Their Engagement with the Text of Hirz al-Amani

**Mohd Ikram bin Mohd Nawī^{1*}, Muhammad Fairuz bin A. Adi², Mohamad Redha bin
Mohamad³, Mujahid bin Ahmad Lutfi⁴**

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor.

² Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor.

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Seremban, Universiti Teknologi MARA, 70300, Negeri Sembilan.

⁴ Centre for Languages and Pre-University Academic Development, International Islamic University Malaysia, 53100, Selangor.

* Corresponding Author: Mohd Ikram bin Mohd Nawī. Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, ikramnawi@uis.edu.my, 0193673053, ORCID iD 0000-0002-4976-279X.

Artikel dihantar: 30 Mei 2025

Artikel diterima: 25 Jun 2025

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2025

ABSTRACT

his study aims to explore students' understanding of the teaching and learning methods related to the science of *qirā'āt*, evaluate their level of comprehension in engaging with the *Hirz al-Amani* text (commonly known as *Matan al-Shatibiyyah*), and examine their attitudes and responses toward learning *qirā'āt*. The research adopts a quantitative approach, utilizing data collected through questionnaires. The study was conducted at the Sabah Institute of Tahfiz al-Quran (ITQAS), a branch of Darul Quran (DQ). The respondents comprised 16 final-year students enrolled in the Diploma in Tahfiz al-Quran and al-Qira'at program at ITQAS. The questionnaire was used as the primary research instrument to gather comprehensive data, which were subsequently analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) to determine frequencies, percentages, means, and standard deviations. The findings indicate that students' understanding in interacting with the *Hirz al-Amani* text is at a moderately high level, with a mean score of 3.63 and a standard deviation of 0.50. Similarly, students' comprehension of the teaching and learning approaches recorded a moderately high level, with a mean of 3.08 and a standard deviation of 0.44. Students' attitudes and reactions toward learning *qirā'āt* also reflected a moderately high level, with a mean score of 3.33 and a standard



deviation of 0.30. These findings are valuable for strengthening the implementation of *qirā'āt* instruction and enhancing students' proficiency in this field of study.

Keywords

al-Shatibiyyah; Hirz al-Amani; qirā'āt; ITQAS

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kefahaman pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu *qirā'āt*, menilai tahap kefahaman pelajar dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani* dan juga mengenalpasti sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā'āt* menilai tahap kefahaman pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani* atau lebih dikenali dengan nama matan *al-Shatibiyyah*. Metodologi kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan pengumpulan data melalui soal selidik. Kajian ini telah dijalankan di Institut Tahfiz al-Quran Sabah atau lebih dikenali sebagai ITQAS yang mana institut ini merupakan salah satu institut di bawah cawangan Darul Quran (DQ). Responden kajian ini adalah pelajar tahun akhir yang mengikuti pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qira'at ITQAS iaitu seramai 16 orang pelajar. Kajian ini juga menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada pelajar untuk mendapatkan keseluruhan data-data kajian. Data-data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Secara keseluruhan, hasil analisis kajian menunjukkan tahap kefahaman dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani* berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata min 3.63 dan sisihan piawai 0.50. Manakala penilaian kefahaman pelajar terhadap pendekatan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata min 3.08 dan sisihan piawai 0.44. Analisis penilaian sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā'āt* juga berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.33 dan sisihan piawai 0.30. Dapatan analisis kajian ini berguna dalam usaha mengukuhkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pengajian *qirā'āt* serta meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar pengajian *qirā'āt*.

Keywords

al-Shatibiyyah; Hirz al-Amani; qirā'āt; ITQAS

How to Cite: Mohd Nawī, M. I., A. Adi, M. F., Mohamad, M. R., & Ahmad Lutfi, M. (2025). Tahap Kefahaman Pelajar Diploma Tahfiz al-Quran al-Qiraat ITQAS Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam: Understanding the Teaching and Learning Methods Among ITQAS Diploma Tahfiz al-Quran al-Qiraat Students in Their Engagement with the Text of Hirz al-Amani. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 19–29.

DOI : <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.92>

1.0 PENGENALAN

Pengajian *qirā'āt* merupakan satu cabang ilmu yang membincangkan tatacara sebutan kalimah-kalimah al-Quran sebagaimana diriwayatkan oleh para imam *qirā'āt*. Salah satu asas pengajian *qirā'āt* pada masa kini adalah melalui pembacaan matan *Hirz al-Amani Wa Wajh al-Tahani* karangan al-Imam *al-Shatibiy* atau lebih dikenali sebagai matan *al-Shatibiyyah*. Walaupun ianya disusun dalam bentuk bait-bait syair, namun al-Imam *al-Shatibiy* telah memberikan panduan khusus bagaimana harus berinteraksi dengan matan tersebut. Para cendekiawan *qirā'āt* telah berjaya menghasilkan pelbagai syarah dan kaedah pengajian bagi memahami kandungan matan *Hirz al-Amani*.



2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pemilihan tajuk “*Tahap Kefahaman Pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Berinteraksi Dengan Matan Hirz al-Amani*” sebagai tajuk kajian adalah bertujuan meneliti sudut pandang pelajar terhadap cara berinteraksi dengan matan *qirā’āt* dalam proses pembelajaran ilmu *qirā’āt*.

Ab Halim Tamuri dan Mohd Rahimi (2011) menyebutkan guru memainkan peranan yang amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan pendidikan yang berkesan. Seorang guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam serta kecekapan dan kepakaran dalam bidang pendidikan. Dalam sistem pendidikan *qirā’āt*, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang paling banyak diamalkan dalam pengajian *qirā’āt* malah sejak zaman Rasulullah sehingga sekarang adalah secara *talaqqi* dan *mushafahah* kerana ia adalah sesuatu yang tidak boleh dihukumkan kecuali melalui pendengaran dan *mushafahah* (al-Zarkasyi, 1972).

Terdapat satu kajian keberkesanan kurikulum *qirā’āt* dari perspektif pelajar yang menunjukkan ianya berada pada tahap yang sederhana kerana pelajar kurang menguasai asas-asas *qirā’āt* ilmi dan amali. Antara saranan yang dikemukakan ialah para pensyarah perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta mengamalkan kaedah berfokuskan pelajar (Zainora, 2015).

Sabri Mohamad (2010) menyebutkan dalam kajiannya Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pengantar *Qirā’āt* dan Hafazan di UKM, terdapat ketidakseimbangan hasil dapatan antara tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dengan nilai tahap yang sederhana sedangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, sukatan subjek dan penilaian pengajaran berada pada tahap tinggi. Analisa ini dilakukan terhadap para pelajar UKM yang mengambil subjek Pengantar *Qirā’āt* dan Hafazan.

Dapatan kajian lain juga menunjukkan pelajar merasakan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan terhadap pelajar masih tidak mencukupi dan pelajar kurang berusaha untuk memahami serta menguasai *Qirā’āt Sab’ah* dan matan *al-Syatibiyyah*. Hasil kajian ini terdapat 60% para pelajar yang kurang mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan *qirā’āt* Imam Hamzah dan sebilangan pelajar tidak mengetahui *туруq* dan *sanad* serta biografi imam tersebut (Sedek Ariffin, 2008).

Terdapat juga hasil kajian yang mana tahap penguasaan *qirā’āt* berada di tahap yang sederhana dan kemampuan untuk mengamalkan *qirā’āt* di tahap yang rendah di kalangan pelajar kerana kesukaran subjek *qirā’āt*, masa tidak mencukupi, penggunaan bahasa Arab medium pengajaran dan pembelajaran dan kekurangan bahan-bahan rujukan (Abd Rahman Abd Ghani, 2012).

Laporan analisis data kajian-kajian lepas ini telah menunjukkan hasil kajian yang hampir sama di mana sistem kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu *qirā’āt* dan juga tahap penguasaan di kalangan mahasiswa berada di tahap yang sederhana. Malah ada juga hasil analisis data kajian yang menunjukkan ketidakseimbangan di antara pengajaran dan penguasaan pelajar. Makanya, kajian kali ini memilih ITQAS sebagai tempat kajian yang merupakan antara institusi yang menawarkan pengajian ilmu *qirā’āt* yang mana para pelajarnya mempelajari pelbagai ilmu-ilmu *qirā’āt* bertujuan mengetahui bagaimana mereka berinteraksi dalam memahami dan menguasai ilmu *qirā’āt* dan fokus kajian adalah berkaitan pembelajaran pada matan *qirā’āt*.

3.0 PERSOALAN KAJIAN



Kajian ini dibentuk berdasarkan beberapa persoalan kajian bagi mencapai objektif sasaran kajian. Ianya adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah kefahaman pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu *qirā'āt*?
2. Bagaimanakah kefahaman pelajar dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani*?
3. Apakah sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā'āt*?

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan kajian yang dibentuk, kajian ini dianggarkan mencapai objektif berikut:

1. Meneliti kefahaman pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu *qirā'āt*.
2. Menilai tahap kefahaman pelajar dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani*.
3. Mengenalpasti sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā'āt*.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kaedah penyelidikan kuantitatif. Kaedah penyelidikan kuantitatif adalah suatu kaedah yang merujuk kepada penggunaan pengukuran secara objektif untuk menghasilkan data yang dianalisis menggunakan statistik. Ia merupakan suatu metode yang melihat kepada kualiti sesuatu konteks yang menjadi fokus utama penyelidikan. Keseluruhan maklumat dan sasaran objektif kajian "*Tahap Kefahaman Pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Berinteraksi Dengan Matan Hirz al-Amani*" dirangka untuk dianalisa melalui edaran borang soal selidik terhadap informan. Data-data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi menentukan aras interpretasi setiap objektif yang disasarkan.

6.0 ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian adalah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Borang soal selidik terbahagi kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A adalah demografi responden, bahagian B pula ialah tahap kefahaman pelajar terhadap berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani*, bahagian C pula ialah kefahaman terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan bahagian D berkaitan sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā'āt*.

6.1 Bahagian A: Demografi Responden Kajian

Analisis kajian demografi pelajar *qirā'āt* merangkumi maklumat jantina, umur, jenis sekolah sebelum memasuki ITQAS, pernah atau tidak mempelajari qiraat sebelum memasuki ITQAS dan pendorong untuk mempelajari qiraat.

Jadual 1.1 Bahagian A Demografi Responden

Item	Kekerapan		Peratusan
Jantina	Lelaki	11	68.8%
	Perempuan	5	31.3%
Jumlah		16	100%

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Berdasarkan dapatan aspek jantina pada jadual 1.1 di atas menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih dominan daripada pelajar perempuan yang terlibat pada kajian kali ini dengan kekerapan seramai 11 orang lelaki dengan peratusan sebanyak 68.8%. Manakala pelajar perempuan pula seramai 5 orang dengan peratusan sebanyak 31.3%.



Jadual 1.2. Bahagian A Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratusan	
Umur	18 – 20 Tahun	8	50.0%
	21 Tahun Ke Atas	8	50.0%
Jumlah	16	100%	

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Bagi profil sampel mengikut umur sebagaimana pada jadual 1.2 di atas menunjukkan bahawa 8 orang daripada 16 orang responden dengan anggaran peratusan sebanyak 50.0% berumur dari 18 tahun hingga 20 tahun. Manakala seramai 8 orang juga daripada 16 orang responden dengan anggaran peratusan 50.0% melebihi 21 tahun.

Jadual 1.3. Bahagian A Demografi Responden

Jumlah Responden Berdasarkan Pendidikan Responden			
Item		Kekerapan	Peratusan
Jenis Sekolah Sebelum Memasuki ITQAS	SMK	6	37.5%
	SMA / SMU	2	12.5%
	SMKA	6	37.5%
	Lain-lain	2	12.5%
Jumlah		16	100%

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Jadual 1.3 pula menunjukkan taburan responden dari sudut latarbelakang pengajian sebelum menyambung pelajaran di bidang *qirā'āt*. Dapatan menunjukkan bahawa 37.5% dengan kekerapan seramai 6 orang bersekolah di SMK dan SMKA sebelum menyambung pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di ITQAS. Manakala 12.5% dengan kekerapan 2 orang bersekolah di SMA/SMU dan lain-lain sekolah sebelum memasuki ITQAS. Dapatan ini dapat dirumuskan bahawa 50.0% pelajar adalah dari lepasan pengajian agama dan 50.0% lagi dari lepasan bukan pengajian agama.

Jadual 1.4. Bahagian A Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratusan
Pernah Belajar <i>Qirā'āt</i> Sebelum Ya	8	50.0%
Memasuki ITQAS Tidak	8	50.0%
Jumlah	16	100%

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Berdasarkan Jadual 1.4 di atas, 8 orang (50.0%) pernah mempelajari qiraat sebelum memasuki ITQAS dan selibihnya 8 orang lagi (50.0%) belum pernah mempelajari qiraat sebelum memasuki ITQAS.

Jadual 1.5. Bahagian A Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratusan
Pendorong Mempelajari <i>Qirā'āt</i>	Diri Sendiri	7 43.8%
	Ibu Bapa	3 18.8%
	Guru	6 37.5%
	Rakan-rakan	0 0%

 QIRAAT Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari e-ISSN : 2636-9591			 KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR		
Lain-lain	0	0%			
Jumlah	16	100%			

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Berdasarkan Jadual 1.5, 7 orang pelajar (43.8%) menyatakan minat mempelajari *qirā'āt* atas kehendak diri sendiri, 3 orang pelajar (18.8%) atas dorongan ibu bapa, dan seramai 6 orang pelajar (37.5%) atas dorongan daripada guru.

Kesimpulan umum bagi dapatan demografi responden, boleh disebutkan bahawa menunjukkan bidang *qirā'āt* mula mendapat tempat atau perhatian apabila para pelajar yang bukan dari latarbelakang pengajian agama turut berminat menyambung pelajaran ke bidang *qirā'āt*. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa para pelajar menyambung pelajaran dalam bidang *qirā'āt* cenderung atas kehendak atau minat sendiri tanpa dorongan sesiapa.

6.2 Bahagian B: Kefahaman Terhadap Pendekatan Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Memahami Matan *Hirz al-Amani*

Bahagian ini membawakan perbincangan berkaitan kefahaman pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani* dalam kalangan pelajar tahun akhir ITQAS terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran. Analisis taburan responden tentang kefahaman pelajar berdasarkan maklum balas responden melalui pilihan jawapan yang diberikan. Responden perlu memilih jawapan berdasarkan skala likert yang mewakili tahap persetujuan. Skala likert tersebut terdiri daripada empat item iaitu:

- I.Sangat tidak setuju
- II.Tidak setuju
- III.Setuju
- IV.Sangat setuju

Bahagian ini telah mengemukakan lima item berbentuk pernyataan yang berkaitan dengan tahap kefahaman pelajar dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani*. Manakala lima item yang lain pula berkaitan kefahaman terhadap pendekatan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan enam item yang lain berkaitan sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu qiraat. Responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan kefahaman mereka mengenai matan *Hirz al-Amani*. Tahap kefahaman akan diukur menggunakan kekerapan, peratusan dan min.

Berdasarkan Jadual 2 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai dan interpretasi persetujuan kefahaman pelajar terhadap pendekatan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Min keseluruhan bagi semua item adalah 3.44 dan sisihan piawai 0.41 yang berada pada interpretasi sederhana tinggi.

Jadual 2. Bahagian B. Kefahaman Terhadap Pendekatan Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran

Item	STS	TS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
1.Pensyarah menggunakan pendekatan memahami perbincangan secara langsung melalui matan <i>qirā'āt</i> .	0 0%	0 0%	6 37.5%	10 62.5%	3.63	0.50	Sederhana Tinggi
2.Pensyarah menggunakan pendekatan memahami matan menggunakan kitab syarah matan.	0 0%	0 0%	7 38.9%	9 56.3%	3.56	0.51	Sederhana Tinggi

3. Pensyarah menggunakan pendekatan memahami setiap istilah-istilah pada matan.	0 0%	0 0%	8 50.0%	8 50.0%	3.50	0.52	Sederhana Tinggi
4. Pensyarah sentiasa melazimi kaedah lawanan istilah (<i>addād</i>) dalam berinteraksi dengan matan.	0 0%	2 12.5%	10 62.5%	4 25.0%	3.13	0.62	Sederhana Tinggi
5. Matan <i>Hirz al-Amani</i> wajib dihafal dan hafalan mestilah bersama kefahaman.	0 0%	3 18.8%	4 25.0%	9 56.3%	3.38	0.81	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan					3.44	0.41	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Dapatan menunjukkan kesemua item soal selidik kefahaman pelajar terhadap pendekatan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang mencatatkan min pada tahap sederhana tinggi (min=3.63, sp=0.50).

Item 1 (pensyarah menggunakan pendekatan memahami perbincangan secara langsung menggunakan matan) dengan kekerapan sangat setuju sebanyak 62.5% dan setuju 37.5%.

Item 2 (min=3.56, sp=0.51) (pensyarah menggunakan pendekatan memahami matan menggunakan kitab syarah matan) sebanyak 56.3% sangat bersetuju dan 38.9% bersetuju.

Item 3 (min=3.50, sp=0.52) (pensyarah menggunakan pendekatan memahami setiap istilah-istilah pada matan) 50.0% responden sangat setuju dan 50.0% setuju.

Item 4 (min=3.13, sp=0.62) (pensyarah sentiasa melazimi kaedah lawanan istilah (*addad*) dalam berinteraksi dengan matan) responden sangat setuju 25.0%, setuju 62.5% dan tidak setuju sebanyak 12.5%.

Manakala Item 5 (min=3.38, sp=0.81) (*Matan Hirz al-Amani* wajib dihafal dan hafalan mestilah bersama kefahaman) 56.3% responden sangat setuju, 25.0% setuju, dan 18.8% tidak setuju.

Secara umum, dapatan menunjukkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tidak mempunyai masalah melainkan pada item 4 dan 5 mungkin perlu diberikan lebih penekanan supaya para pelajar lebih jelas terhadap kaedah dan konsep yang diterapkan. Manakala secara keseluruhan dapatan bahagian B menunjukkan para pelajar memahami kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi menguasai ilmu qiraat dengan baik dan hanya pada skala peratusan kecil sahaja tidak memberikan respon yang sepatutnya.

6.3 Bahagian C: Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Berinteraksi Dengan Matan Hirz Al-Amani

Jadual 3 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai dan interpretasi persetujuan pelajar terhadap kefahaman dalam berinteraksi dengan Matan Hirz al-Amani berada pada interpretasi sederhana tinggi. Min keseluruhan bagi semua item adalah 3.08 dan sisihan piawai 0.44.



Jadual 3. Bahagian C. Tahap Kefahaman Pelajar Dalam Berinteraksi Dengan Matan Hirz Al-Amani

Item	STS	TS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
1.Saya memahami perbincangan bab muqaddimah pada matan <i>al-Shatibiyyah</i> .	1 6.3%	1 6.3%	6 37.5%	8 50.0%	3.31	0.87	Sederhana Tinggi
2.Saya mengetahui metode atau kaedah untuk berinteraksi (memahami) matan <i>al-Shatibiyyah</i> sebagaimana kaedah yang disebutkan oleh <i>al-Imam al-Shatibi</i> pada matan <i>Hirz al-Amani</i> .	0 0%	2 11.1%	7 38.9%	7 38.9%	3.31	0.70	Sederhana Tinggi
3.Saya memahami kaedah istilah <i>addād</i> iaitu kaedah lawanan istilah sebagaimana yang sebutkan pada matan <i>al-Shatibiyyah</i> .	0 0%	3 18.8%	11 68.8%	2 12.5%	2.94	0.57	Sederhana Rendah
4.Saya mengetahui istilah-istilah rumuz pada matan sama ada secara <i>fardiyyah</i> atau <i>kalimiyyah</i> .	0 0%	2 12.5%	6 37.5%	8 50.0%	3.38	0.72	Sederhana Tinggi
5.Saya dapat memahami petikan matan <i>Hirz al-Amani</i> secara ringkas walaupun tanpa bantuan kitab syarah.	1 6.3%	8 50.0%	6 37.5%	1 6.3%	2.44	0.73	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan					3.08	0.44	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Secara keseluruhannya soal selidik bahagian C, tahap kefahaman pelajar dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani* menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi. Namun 3 item iaitu item 1, 2 dan 4 berada pada interpretasi yang sederhana tinggi. Manakala item 3 dan 5 berada pada interpretasi yang sederhana rendah.

Item 1 (saya memahami perbincangan bab muqaddimah pada matan *al-Shatibiyyah*) (min=3.31, s.p=0.87) dengan peratusan sangat setuju 50.0%, setuju 37.5%, tidak setuju 6.3% dan sangat tidak setuju 6.3%.

Item 2 (saya mengetahui metode atau kaedah untuk berinteraksi (memahami) matan *al-Shatibiyyah* sebagaimana kaedah yang disebutkan oleh *al-Imam al-Shatibi* pada matan *Hirz al-Amani*) (min=3.31, s.p=0.70) dengan peratusan sangat setuju 38.9%, setuju 38.9% dan 11.1% tidak setuju.



Item 4 (saya mengetahui istilah-istilah rumuz pada matan sama ada secara *fardiyyah* atau *kalimiyyah*) (min=3.38, sp=0.72) dengan peratusan sangat setuju 37.5%, 50.0% setuju dan 12.5% tidak setuju.

Item 3 (saya memahami kaedah istilah iddād iaitu kaedah lawanan istilah sebagaimana yang disebutkan pada *Matan al-Shatibiyyah*) (min=2.94, sp=0.57) dengan peratusan sangat setuju 66.8%, setuju 12.5% dan 18.8% tidak setuju.

Item 5 (saya dapat memahami petikan matan *Hirz al-Amani* secara ringkas walaupun tanpa bantuan kitab syarah) (min=2.44, s.p=0.73) dengan peratusan sangat setuju 37.5%, 50.0% setuju, 50.0% tidak setuju dan 6.3% sangat tidak setuju.

Secara keseluruhannya, analisis dapatan bahagian ini menunjukkan tahap kefahaman para pelajar berada ditahap yang baik dan skor pada soal selidik juga di tahap yang sederhana tinggi. Namun begitu, sekiranya mereka mahir dan benar-benar faham sebagaimana dapatan item 1, 2, 3 dan 4, maka mereka sepatutnya tidak ada masalah pada item 5. Namun dapatan menunjukkan perkara sebaliknya yang berlaku. Secara keseluruhan dapatan bahagian C menunjukkan tahap segelintir para pelajar masih kurang baik dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani* untuk menguasai ilmu qiraat dengan lebih baik. Ini tidak sewajarnya berlaku dalam kalangan pelajar lebih-lebih lagi bagi pelajar takhassus ilmu qiraat.

6.4 Bahagian D: Sikap Dan Reaksi Pelajar Terhadap Pembelajaran Ilmu *Qirā'āt*

Berdasarkan Jadual 4 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai dan interpretasi persetujuan sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā'āt*. Min keseluruhan bagi semua item adalah 3.33 dan sisihan piawai 0.30 yang berada pada interpretasi sederhana tinggi.

Jadual 4. Bahagian D. Sikap Dan Reaksi Pelajar Terhadap Pembelajaran Ilmu Qiraat

Item	STS	TS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
1.Saya Berusaha Memahami Kaedah Pengajaran Pensyarah Dalam Berinteraksi Dengan Matan <i>al-Shatibiyyah</i> .	0 0%	0 0%	2 12.5%	14 87.5%	3.88	0.34	Sederhana Tinggi
2.Saya Berusaha Menghafal Matan Dan Memahami Hafalan Sebaik Mungkin Bersesuaian Dengan Kaedah Faham Matan.	0 0%	0 0%	7 38.9%	9 56.3%	3.56	0.51	Sederhana Tinggi
3.Saya Sentiasa Berusaha Mengingati Rumuz Dengan Baik Kerana Ianya Penting Dalam Berinteraksi Dengan Matan <i>al-Shatibiyyah</i>	0 0%	2 12.5%	8 50.0%	6 37.5%	3.25	0.68	Sederhana Tinggi
4.Saya Sentiasa Mengulangkaji Kaedah Istilah <i>addād</i> Kerana Ianya Sangat Penting Dalam Berinteraksi Dengan Matan <i>al-Shatibiyyah</i>	0 0%	1 6.3%	4 25.0%	11 68.8%	3.63	0.62	Sederhana Tinggi

5.Saya Berusaha Menghafaz Matan Tanpa Memahami Maksud Matan.	3 18.8%	11 68.8%	2 12.5%	0 0%	1.94	0.57	Rendah
6.Saya Berusaha Menghafaz Syarah Matan Untuk Memahami Maksud Matan.	0 0%	0 0%	13 81.3%	3 18.8%	3.19	0.40	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan					3.33	0.30	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik 15-16 Oktober 2021

Terdapat 5 item daripada 6 berkaitan sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā'āt* mencatatkan min pada tahap sederhana tinggi iaitu item 1 (saya berusaha memahami kaedah pengajaran pensyarah dalam berinteraksi dengan matan *al-Shatibiyyah*) (min=3.88, sp=0.34) dengan 87.5% yang sangat setuju dan 12.5% yang setuju. Item 2 (saya berusaha menghafal matan dan memahami hafalan sebaik mungkin bersesuaian dengan kaedah faham matan) (min=3.56, sp=0.51) dengan 56.3% sangat setuju dan 38.9% setuju. Item 3 (saya sentiasa berusaha mengingat rumuz dengan baik kerana ianya penting dalam berinteraksi dengan matan *al-Shatibiyyah*) (min=3.25, sp=0.68) terdapat 12.5% responden yang tidak setuju berbanding responden yang setuju 50.0% dan sangat setuju 37.5%. Item 4 (saya sentiasa mengulangkaji kaedah istilah iddād kerana ianya sangat penting dalam berinteraksi dengan matan *al-Shatibiyyah*) (min=3.63, sp=0.62) mencatatkan responden yang setuju 25.0%, sangat setuju 68.8% dan responden yang tidak setuju 6.3%. Item 6 (saya berusaha menghafaz syarah matan untuk memahami maksud matan) (min=3.10, sp=0.40) dengan responden sangat setuju 18.8% dan setuju 81.3%.

Terdapat satu item dengan interpretasi yang rendah iaitu item 5 (saya berusaha menghafaz matan tanpa memahami maksud matan) (min=1.94, sp=0.57) dengan responden sangat tidak setuju 18.8%, tidak setuju 68.8% dan cuma 12.5% setuju.

Kesimpulannya dapatan bagi bahagian D, skala tidak setuju pada item 3 dan 4 menunjukkan masih ada di kalangan pelajar yang tidak memahami kepentingan item tersebut dalam kaedah pengajian ilmu qiraat. Ia merupakan suatu perkara yang penting bagi mereka yang ingin menguasai ilmu qiraat dengan baik. Sikap ini seharusnya tidak berlaku bagi penuntut ilmu *qirā'āt*. Seterusnya, dapatan pada item 5 masih terdapat dalam kalangan pelajar yang tidak cuba untuk memberikan komitmen sepenuhnya pada kaedah pembelajaran ilmu *qirā'āt*. Sikap ini juga perlu dielakkan kerana hafalan yang bermutu adalah dengan memahami butiran apa yang dihafal. Secara keseluruhan dapatan bahagian D menunjukkan para pelajar memahami apa yang perlu dilakukan bagi menguasai ilmu *qirā'āt* dengan baik dan hanya pada skala peratusan kecil sahaja tidak memberikan dapatan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun ia tidak sepatutnya berlaku bagi kalangan mahasiswa takhassus.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.



7.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan “*Tahap Kefahaman Pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran ITQAS Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Berinteraksi Dengan Matan Hirz Al-Amani*” berada pada tahap yang baik dengan dapatan pada 3 bahagian penting soal selidik berada pada nilai interpretasi yang sederhana tinggi. Hasil analisis kajian menunjukkan tahap kefahaman dalam berinteraksi dengan matan *Hirz al-Amani* berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata min 3.63 dan sisihan piawai 0.50. Manakala penilaian kefahaman pelajar terhadap pendekatan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata min 3.08 dan sisihan piawai 0.44. Analisis penilaian sikap dan reaksi pelajar terhadap pembelajaran ilmu *qirā’āt* juga berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.33 dan sisihan piawai 0.30.

Dapatan analisis kajian ini dilihat amat berguna dalam usaha mengukuhkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pengajian *qirā’āt* serta meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar pengajian *qirā’āt*. Tahap penguasaan yang baik dikalangan para pelajar tidak kira apa topik atau kursus yang dipelajari adalah tergantung kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Hal ini perlu diambil perhatian bagi semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pengajian *qirā’āt* di Malaysia tidak kira di mana-mana peringkat pengajian untuk meneliti hal-hal yang dibangkitkan dengan harapan dapat meningkatkan lagi nilai kualiti pengajian terutamanya pada bidang pengkhususan. Jutaan penghargaan dititipkan kepada pihak ITQAS khususnya atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Al-Ṣabūnī, M. A. (1985). *Al-Tibyan fi Ulum al-Quran*. Makkah: Maktabah al-Ṣabūnī fi Ulum al-Quran.
- Al-Zarkasyi. (2006). *Al Burhan fi Ulum al-Quran* (p. 222). Cairo: Darul Hadits.
- Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah al-Zarkasyi. (1972). *Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Quran*. Cairo: Maktabah ‘Isa al-Bab al-Halabi.
- Ab Halim Tamuri, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: UKM.
- Abd Rahman Abd Ghani, Z., Zainora, D., et al. (2012). Kurikulum pengajian dan permasalahan Qirā’āt di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. *Jurnal Pengajian Islam*, KUIS.
- Sabri Mohamad, et al. (2010). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pengantar Qirā’āt dan hafazan di UKM. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Qirā’āt*. 24-25 Disember 2010 Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, Selangor.
- Sedek Ariffin. (2008). *Kaedah bacaan Qira’at Hamzah: Kajian di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor* (Tesis Ijazah Sarjana). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zainora Daud et.al. 2015. Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Qirā’āt ‘Ilm Di Malaysia: Kajian Di Darul Quran Dan Ma’ahad Tahfiz Al-Quran Negeri (DQ dan MTQN). *2nd International Research Management & Innovation Conference (Irmic 2015)*. Langkawi
- Zainora Daud. (2018). Pengajian Qirā’āt di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM: Analisis terhadap tahap kefahaman Qirā’āt. *Journal of Fatwa Management and Research, Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol. 13, No. 1, 174.